



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

APEX™

PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

SIDANG AKADEMIK
2020/2021

SEMESTER 1

PGT 224/3
KAEDAH MENGAJAR SEJARAH I

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN SECARA ATAS TALIAN

TAJUK:
APLIKASI KAEDAH KAJIAN MASA DEPAN DALAM PDPC SEJARAH

DISEDIAKAN OLEH

	NAMA : NUR 'AWATIF BINTI AZIZAN NO MATRIK : 143123 EMAIL : awatif24@student.usm.my TUTORIAL : 11-12 PAGI PENSYARAH : PROF MADYA DR SHAHABUDDIN HASHIM
--	---

TOPIK : Aplikasi Kaedah Kajian Masa Depan dalam PDPC Sejarah

SINOPSIS

Topik ini merupakan salah satu topik yang berkaitan dengan kaedah kajian sejarah yang sering digunakan dalam pengajaran dan pemudahcara Pdpc bagi mata pelajaran sejarah di sekolah. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah kajian masa depan. Kaedah ini digunakan dalam mata pelajaran sejarah untuk mengkaji membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum. Melalui pengajaran KMD yang diterapkan dalam mata pelajaran Sejarah pelajar akan diajar menggunakan pemikiran kritis dan kreatif untuk meninjau perubahan keadaan daripada masa lalu sehingga ke masa kini dan meramalkan keadaan pada masa hadapan. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran ini akan menerangkan secara terperinci mengenai konsep kajian masa depan dan perkaitannya dengan sejarah. Di samping menyelitkan komponen-komponen penting dalam KMD dan cara mengaplikasikannya dalam mata pelajaran sejarah.

KUMPULAN SASARAN : Pelajar Universiti (IPTA) yang terdiri daripada bakal guru

OBJEKTIF

Pada akhir pembelajaran pelajar dapat :

1. Menerangkan konsep utama kaedah kajian masa depan berpandukan perkaitan dengan mata pelajaran Sejarah.
2. Menyenaraikan kemahiran khusus dan kemahiran asas yang terdapat dalam kaedah kajian masa depan.
3. Mengaplikasikan kaedah kajian masa depan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.

AKTIVITI/LANGKAH


1. "Berkongsi Apa Yang Saya Tahu"

Aktiviti pertama ini merupakan aktiviti secara individu yang akan dilakukan oleh pelajar di mana aktiviti ini mengkehendaki pelajar diberi masa selama 5 minit untuk meneliti analogi yang diberikan.



Contoh Analogi yang diberikan.

Berdasarkan analogi tersebut, setiap pelajar diminta untuk membina satu kerangka konsep KMD seperti yang ditunjukkan dalam slaid berdasarkan analogi yang diberikan oleh pensyarah.



Contoh kerangka konsep KMD

Setiap pelajar akan diberikan masa selama 10 minit untuk menyiapkan kerangka tersebut. Seterusnya, empat orang pelajar secara sukarela diminta untuk berkongsi hasil dapatan berdasarkan kefahaman. Setiap pembentang diberikan had masa selama 5 minit untuk


memberi ringkasan mengenai hasil dapatan mereka. Pelajar yang lain perlulah mencatat dan menilai perkongsian tersebut dalam *google form* sekiranya terdapat kesalahan yang dilakukan oleh pembentang. Empat orang pelajar akan dipilih untuk menyatakan pendapat mereka mengenai hasil pembentangan yang dijalankan. Pada akhir aktiviti ini pensyarah akan merumuskan setiap sesi pembentangan. Bagi pelajar yang tidak melakukan pembentangan mereka dikehendaki menyerahkan tugas di Google Classroom untuk memudahkan pensyarah menyemak hasil dapatan.

2. "Selesaikan Saya"

Aktiviti kedua ini merupakan tugas secara berkumpulan. Dalam aktiviti ini pensyarah memberikan autonomi kepada para pelajar untuk membentuk kumpulan. Setiap kumpulan mestilah terdiri daripada 3 orang ahli sahaja. Setelah kumpulan dibentuk pensyarah akan meminta wakil kumpulan untuk memilih warna yang terdapat di skrin komputer masing-masing. Kesemua warna tersebut mengandungi satu petikan yang berbeza. Petikan yang diberikan adalah berbeza bagi setiap kumpulan.



Contoh petikan kumpulan 1



Contoh petikan kumpulan 2

Setiap kumpulan dikehendaki untuk menyelesaikan masalah yang terdapat dalam petikan tersebut menggunakan komponen khusus yang terdapat dalam KMD. Pelajar diberikan masa selama 10 minit untuk menyenaraikan isi-isi penting. Setelah siap menyenaraikan isi-isi

penting setiap wakil kumpulan diminta untuk membentangkan hasil dapatan mereka. Hasil dapatan yang telah dibentangkan oleh pelajar mestilah dikritik oleh pelajar yang lain. Melalui kritikan tersebutlah setiap kumpulan dikehendaki memperbaiki hasil dapatan mereka dan mempersempembanakan dalam bentuk infografik. Semua kumpulan diberikan masa selama tiga hari untuk menyiapkan infografik tersebut. Infografik tersebut akan dinilai oleh pensyarah dan seterusnya memberikan markah kepada setiap kumpulan.

3. Microteaching secara berkumpulan.

Aktiviti yang ketiga merupakan aktiviti secara berkumpulan. Aktiviti ini merupakan aktiviti jangka masa panjang. Tugasan ini merupakan tugas yang mempunyai markah sebanyak 40%. Melalui aktiviti ini pensyarah akan membahagikan pelajar kepada 4 kumpulan yang ahlinya terdiri daripada 5 orang. Setiap kumpulan akan diberikan tajuk secara undian online menggunakan *Wheels of name* oleh pensyarah. Seterusnya setiap kumpulan akan diberikan satu contoh rangka perancangan pengajaran dan pembelajaran berpandukan konsep KMD. Berdasarkan tajuk yang telah diperolehi pelajar dikehendaki membuat rangka pengajaran dan pembelajaran berdasarkan KMD seperti yang diberikan oleh pensyarah.



Contoh Rangka Pengajaran Berasaskan KMD

Setiap kumpulan diberi masa selama 15 minit untuk berbincang dan membuat rangka tersebut. Rangka tersebut akan dinilai terlebih dahulu oleh guru sebelum pelajar meneruskan tugasannya seterusnya. Pelajar dikehendaki menyediakan video pengajaran secara berkumpulan

berdasarkan rangka yang diberikan kepada guru. Masa yang diberikan adalah selama dua minggu untuk menyiapkan tugas tersebut. Video tersebut perlulah dimuat naik di laman sesawang *youtube* bagi memudahkan guru untuk memberi markah. Setiap kumpulan dikehendaki untuk memberi komen bagi setiap video pengajaran dalam kumpulan *whatsapp*.

PENILAIAN

Pada bahagian ini terdapat 10 soalan aneka pilihan (MCQ) yang akan diberikan kepada pelajar.

Kami perlu tahu apa yang sudah berlaku (sejarah) dan apa yang sedang berlaku (trend) serta memilih arah tertentu untuk maju ke hadapan (perubahan).

1. Berdasarkan petikan di atas Konsep KMD manakah yang sesuai untuk menggambarkan situasi berkenaan?
 - A. Altenatif & Pilihan
 - B. Masa lalu, masa kini dan masa depan**
 - C. Nilai
 - D. Kemampanan

Pilihan jawapan B betul kerana petikan berkenaan memperlihatkan perkaitan yang berlaku antara masa lalu, masa kini dan masa hadapan. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa perubahan yang dikatakan bakal berlaku pada masa hadapan dibina atas tindakan yang dilakukan dari masa lalu dan masa kini. Oleh itu, petikan ini jelas memperlihatkan bahawa berlakunya interaksi yang jelas antara masa lalu, masa kini dan masa depan.

2. Dengan menggunakan imaginasi dan kreativiti anda bayangkan tindakan awal yang paling tepat untuk diambil ?



- A. Kerajaan mengadakan rumah terbuka sempena hari perayaan.
- B. Penerapan nilai budaya dan warisan dalam aktiviti harian dalam kalangan masyarakat.
- C. Menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan.
- D. Mengamalkan amalan kunjung mengunjung ke rumah rakan-rakan semperna hari perayaan.**

Pilihan jawapan D adalah jawapan yang paling tepat berbanding pilihan jawapan yang selebihnya kerana penekanan konsep KMD iaitu altenatif dan pilihan ini dilihat daripada 4 jenis masa depan yang akan wujud. Antara tiga jenis masa depan yang wujud ialah possible future, probable future, plausible future, preferable/Desirable future. Dalam hal ini pilihan jawapan D adalah berlandaskan jenis masa depan plausible future (kemungkinan besar yang akan berlaku) kerana sekiranya langkah memupuk perpaduan kaum tidak dimulai dengan tindakan daripada diri sendiri sudah tentu sukar untuk melaksanakan langkah-langkah yang melibatkan penglibatan orang lain.

3. Mengapakah pengajaran berasaskan KMD ini penting dalam mata pelajaran sejarah ?

A. Untuk melahirkan murid yang arif dan peka serta mampu menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang berdaya saing.

- B. Untuk melahirkan murid yang terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.
- C. Untuk membolehkan mengetahui bagaimana sesuatu peristiwa sejarah itu dicatat dan ditemukan.
- D. Untuk memastikan murid menguasai hasil pembelajaran yang dihasratkan dalam satu unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran seterusnya. ‘

Pilihan jawapan A adalah yang paling tepat kerana pendekatan KMD ini dalam sejarah ini mendidik murid untuk lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lalu, masa kini dan masa depan. Hal ini sekaligus akan melahirkan murid yang sentiasa peka dengan perubahan-perubahan yang bakal berlaku. Perkara ini secara tidak langsung akan melahirkan generasi yang sentiasa berfikir secara kritis dan kreatif mengenai tindakan yang perlu diambil untuk mencorakkan masa depan yang baik. Oleh itu, hal ini jelas memperlihatkan bahawa pendekatan KMD dalam mata pelajaran sejarah membantu generasi muda untuk saling berlumba berfikiran secara matang dan terbuka untuk membuat sesuatu keputusan.

4. Pilih padanan yang betul antara komponen kajian masa depan.

Kemahiran Asas	Kemahiran Khusus
A. Menjangkakan akibat	Mengawal dan mengendalikan perubahan
B. Imagination dan kreativiti	Membuat jangkaan

C.	Strategi mengatasi cabaran	Menjangkakan akibat
D. Membuat jangkaan		Proses inovasi sosial

Pilihan jawapan D adalah yang paling tepat kerana seperti yang diketahui bahawa kemahiran asas KMD ini adalah bersifat umum yang mana kemahiran ini meluas dan tidak dikhurasukan kepada mana-mana kemahiran yang lebih kecil. Manakala kemahiran khusus KMD pula adalah satu kemahiran yang dipecahkan kepada kemahiran-kemahiran kecil daripada kemahiran asas tersebut.

" Saya berpendapat bahawa Malaysia bakal menjadi sebuah negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam keharmonian, bekerjasama sepenuhnya secara adil, dan terdiri daripada satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara."

5. Petikan di atas menjelaskan tentang salah satu kemahiran asas dalam KMD. Kemahiran asas manakah yang tepat dengan pernyataan tersebut.

- A. Menjangkakan akibat
- B. Mengawal dan mengendalikan perubahan
- C. Membuat jangkaan**
- D. Strategi mengatasi kebimbangan

Pilihan jawapan c adalah paling tepat kerana petikan tersebut memperlihatkan bahawa individu tersebut meramalkan apa yang bakal terjadi kepada Malaysia pada masa hadapan. Hal ini sekaligus menepati konsep kemahiran asas membuat jangkaan kerana ramalan ini memberi bayangan dan andaian mengenai sesuatu perubahan yang bakal berlaku.

6. Berdasarkan kemahiran khusus KMD yang kelima iaitu strategi mengatasi cabaran apakah elemen yang perlu diterapkan oleh murid untuk melaksanakannya?

- I. Mengemukakan idea dan perasaan
- II. menyatakan kebimbangan
- III. Menyedari nilai dan hak generasi akan datang
- IV. Memberi kesedaran dan menilai semula tindakan yang diambil

A. i dan iv

B. i dan ii

C. i, iii dan iv

D. i, ii dan iii

Pilihan jawapan B adalah tepat kerana menunjukkan bahawa seseorang murid akan menunjukkan keperihatinan terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan oleh guru. Contohnya dalam mata pelajaran sejarah mengenai tajuk kejatuhan tamadun. Murid akan memperlihatkan perasaan bimbang sekiranya apa yang terjadi pada zaman lalu berlaku pada masa ini. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan murid untuk memberi pandangan dan respon mengenai isu yang dibangkitkan.

"Kemajuan sesebuah negara bukan sahaja diukur dari aspek kestabilan ekonomi semata-mata namun juga dilihat dari aspek kekuatan ketenteraan yang digeruni".

7. Petikan ini menerangkan mengenai

- A. Pencetusan dan pecambahan idea-idea baru ini membantu kita ke arah menghasilkan idea inovatif ke arah meneroka dan membina masa hadapan.
- B. Cara baru dan mantap untuk menyelesaikan masalah sosial atau meningkatkan kualiti hidup manusia.
- C. Memberi gambaran yang jelas tentang masa depan yang mungkin berlaku.**
- D. Mengamalkan nilai-nilai murni yang boleh yang boleh memandu tindakan dan pilihan supaya meninggalkan kesan positif pada generasi akan datang.

Pilihan jawapan C adalah yang paling tepat kerana petikan ini memberi senario yang akan berlaku pada masa hadapan sekiranya sesebuah negara mampu mencapai kemajuan daripada aspek ekonomi, politik dan ketenteraan sudah tentu negara tersebut akan menjadi negara yang digeruni di peringkat global. Hal ini secara tidak langsung jelas memperlihatkan bahawa petikan tersebut memberi gambaran yang jelas mengenai masa depan dan cara membina masa depan.

8. Apakah aspek utama yang perlu diaplikasikan oleh guru untuk mengajar menggunakan kaedah kajian masa depan?

- A. Dimensi kemampunan
- B. Perancangan yang strategik**
- C. Memilih kemahiran khusus
- D. Penjelasan mengenai nilai dan masa depan

Pilihan jawapan B adalah yang paling tepat kerana perancangan yang strategik ini membantu kelancaran sesi pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran guru dikehendaki merancang aktiviti yang berorientasikan KMD terlebih dahulu.

9. Apakah pendekatan umum yang paling sesuai untuk melaksanakan KMD dalam mata pelajaran sejarah secara atas talian.

- A. Menggunakan matriks sepenuhnya.

B. Menyisipkan kajian masa depan dalam pengajaran.

- C. Menggunakan unsur-unsur kajian masa depan sebagai induksi atau susulan pengajaran.
- D. Memilih tajuk dan tema yang relevan.

Jawapan B adalah yang paling tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembelajaran secara atas talian merupakan satu pembelajaran yang sukar untuk dijalankan. Oleh itu menyisipkan unsur-unsur tertentu sahaja dalam matriks kajian masa depan sudah memadai untuk memastikan murid memahami konsep KMD.

10. Berikut merupakan unsur-unsur yang terdapat dalam matriks kecuali

- A. Proses yang dialami oleh murid semasa melaksanakan aktiviti KMD.
- B. Teknik dan cara pengajaran KMD yang digunakan sebagai aktiviti dalam perkembangan pengajaran.
- C. Persepsi murid terhadap sesuatu isu semasa pengajaran akan mempengaruhinya.

D. Proses memulakan kajian terhadap sumber-sumber dokumen yang dipilih.

Pilihan jawapan D adalah yang paling tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana Jawapan D tersebut adalah mengenai kaedah kajian dokumen. Perkara ini secara tidak langsung telah memperlihatkan jawapan D adalah tepat kerana tidak mempunyai kaitan sama sekali dengan KMD.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, proses pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan KMD dalam mata pelajaran sejarah ini digunakan untuk melatih pelajar universiti yang akan menjadi bakal guru untuk berfikir secara terbuka dan matang. Elemen KMD yang diterapkan dalam mata pelajaran sejarah dapat membuka minda pelajar untuk tidak membataskan pemikiran mereka hanya kepada sesuatu perkara. Elemen KMD yang digunakan ini secara tidak langsung akan melatih para pelajar untuk membuat persediaan dengan menghubungkaitkannya dalam mata pelajaran sejarah dengan lebih baik. Aktiviti yang disediakan ini sebenarnya dilihat sebagai titik permulaan kepada pelajar untuk lebih kreatif mencipta lebih banyak aktiviti yang bersesuaian dengan KMD di samping memenuhi tahap kematangan pelajar. Oleh itu, aktiviti yang dijalankan ini merupakan platform yang terbaik untuk pelajar cuba memperaktikannya dari semasa ke semasa supaya kaedah KMD yang dirancang dalam sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

RUJUKAN

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. Pengajaran Berasaskan Kajian Masa Depan. KPM. https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=https://afiqekie.files.wordpress.com/2012/12/kajian_masa_depan.pdf&ved=2ahUKEwj79qN6LvuAhVUzTgGHVrmAlQQFjAAegQIARAB&usg=AOvVaw0xoGqd1ZBpQ5R6956ZWxnQ&cshid=1611740857081

Educations Research and Foreisght. 2015. The Feature of Learning : Why Must Learning Content and Methods Change In The 21st Century. Unesco Digital Library. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000234807>

LAMPIRAN

NOTA RINGKAS : APLIKASI KAJIAN MASA DEPAN DALAM PdPc SEJARAH.

1.0 DEFINISI KAJIAN MASA DEPAN (KMD)

Pengajaran berasaskan KMD merupakan strategi secara saintifik yang dibina untuk menambah keupayaan murid dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup dan membuat keputusan. KMD ini diperkenalkan adalah untuk membantu generasi muda menyedari perubahan yang berlaku pada masa hadapan supaya mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran yang akan mendarat. Hal ini secara tidak langsung dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang boleh merancang masa depan yang sesuai selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang berwawasan, rasional, dinamik, kreatif, serta boleh berfikiran terbuka menerima perubahan yang bakal berlaku.


Dimensi penting yang mesti diberi penekanan dalam KMD ini adalah mengetahui bahawa masa depan ini bersifat dinamik kerana sentiasa berlaku perubahan yang tidak dapat dijangka dan berkesudahan. Cabaran yang wujud pada masa depan bersifat kompleks serta sukar untuk ditentukan. Hal ini menjadikan jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi lebih dilihat bersifat global. Tambahan pula, manusia sentiasa terikat dengan nilai dan norma, keinginan dan kehendak masa hadapan yang berbeza-beza. Oleh itu, penerapan unsur KMD dalam pengajaran dan pembelajaran ini melatih murid untuk menjadi generasi muda yang mempunyai kebolehan meramal masa depan dan bersedia untuk menangani cabaran yang bakal dihadapi.

2.0 PERKAITAN KMD DENGAN MATA PELAJARAN SEJARAH

Kaedah kajian masa depan ini secara dasarnya sememangnya berkait rapat dengan mata pelajaran sejarah yang diajarkan di sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana KMD ini

menepati fokus utama Kurikulum Standard Sekolah Menengah KSSM bagi mata pelajaran Sejarah adalah untuk melahirkan murid yang arif dan peka sejarah serta mampu menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang berdaya saing pada masa hadapan. Melalui KMD inilah mata pelajaran Sejarah mengajar murid menggunakan pemikiran kritis dan kreatif untuk meninjau perubahan keadaan daripada masa lalu sehingga ke masa kini dan meramalkan keadaan pada masa hadapan. Sebagai contoh;

1. Bagaimakah untuk memastikan kita dapat menyambut Hari Kemerdekaan pada masa hadapan ?
2. Apakah yang perlu dilakukan ?



Analogi tersebut menunjukkan bahawa kemerdekaan yang kita kecapi boleh sahaja pada bila-bila masa tergugat kerana kita sering kali dikejutkan dengan peristiwa-peristiwa yang tidak terjangka. Contohnya, pada masa sekarang di negara kita berlakunya ketidakstabilan politik yang mampu mengancam keselamatan negara. Oleh itu, kita perlulah menolak politik yang bersifat kebencian dan menerima politik bersifat perpaduan supaya negara kita kekal aman dan harmoni.

Analogi tersebut jelas memperlihatkan bahawa KMD yang diterapkan dalam mata pelajaran sejarah ini merupakan satu disiplin ilmu yang mampu mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa depan. Perkara ini sekaligus telah membantu murid memahami sesuatu peristiwa masa lalu daripada pelbagai perspektif secara mendalam agar dapat meletakkan diri mereka secara

imaginatif dalam sesuatu situasi. Oleh itu, penerapan KMD dalam sejarah membantu murid membina corak pemikiran yang lebih terbuka dan matang untuk meramal dan membuat keputusan terhadap sesuatu masalah yang bakal dihadapi.

3.0 OBJEKTIF KMD

1. Berfikiran secara kritis dan kreatif serta membuat keputusan tentang hal-hal masa depan.

- Membina minda yang suka meneroka sesuatu yang baharu. Sebagai contoh KMD ini melatih murid untuk mula berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika.

2. Berkomunikasi secara berkesan tentang hal-hal masa depan.

- KMD ini membantu murid menyuarakan dan meluahkan fikiran dan idea dengan yakin dan kreatif untuk memberi sumbangan ke arah kesejahteraan negara kita.

3. Mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang kajian masa depan.

- KMD ini memberi satu gambaran asas kepada murid untuk memahami dengan lebih mendalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 supaya lebih bersedia mencari pelbagai altenatif untuk penyelesaian masalah yang dihadapi.

4. Membuat kajian dan mengurus hal-hal berkaitan dengan kajian masa depan.

- KMD ini melatih pelajar untuk berimajinasi tentang masa depan melalui peristiwa sejarah yang telah dipelajari. Hal ini sekaligus dapat mendidik murid menganalisis kesinambungan dan perubahan yang dialami.

5. Membina sikap dan nilai tentang masa depan.

- KMD ini mendidik murid supaya mengawal diri dalam mengambil sesuatu keputusan yang berasaskan nilai dan etika kerana keputusan yang diambil mampu mempengaruhi masa depan mereka.

4.0 RASIONAL KMD DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH

1. Membina generasi masa depan

Kajian Masa Depan memberi kesedaran dan merangsang murid berfikir tentang isu, masalah dan peluang yang bakal dihadapi. Hal ini akan menyebabkan mereka memandang masa depan dengan yakin dan optimis serta mengambil bahagian dalam merancang masa depan mereka. Misalnya, mengaplikasikan KMD dalam mata pelajaran sejarah mampu membentuk generasi muda yang sentiasa berusaha berfikir untuk melakukan perubahan dengan memajukan negara.

2. Menghasilkan tenaga manusia yang berfikir

Sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam menghasilkan tenaga manusia yang sentiasa berfikir tentang masa depan. Hal ini bertujuan mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa depan. Misalnya, murid mengaitkan kejatuhan tamadun pada masa lalu dengan trend yang berlaku pada masa sekarang.

3. Menjangka masalah dan membuat pilihan yang baik

Murid dapat mencari alternatif dan pilihan ke arah masa depan yang lebih baik. Hal ini memperlihatkan murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum. Contohnya, murid melihat dalam pembelajaran mata pelajaran sejarah kejatuhan sesebuah negara berpunca daripada pemimpin yang tidak mempunyai kredibiliti. Murid menggunakan KMD ini berfikir mencari jalan penyelesaian iaitu memilih seorang pemimpin yang adil, bijak dan berwibawa.

4. Membawa anjakan paradigma

Murid akan membawa anjakan paradigma terhadap budaya belajar yang berasaskan pengetahuan dan ingatan semata-mata kepada budaya berfikir. Hal ini kerana apabila KMD diterapkan dalam mata pelajaran sejarah murid dapat berfikir mengenai sesuatu peristiwa sejarah secara mendalam dan menganalisis kesinambungan dan perubahan yang dialami.

5.0 KOMPONEN PENGAJARAN BERASASKAN KMD

Secara dasarnya komponen pengajaran berasaskan KMD ini terbahagi kepada dua iaitu Kemahiran Asas KMD dengan Kemahiran Khusus KMD.

5.1 KEMAHIRAN ASAS KMD

1. Membuat Ramalan

Murid membuat ramalan berdasarkan pengetahuan dan maklumat yang sedia ada. Murid perlulah untuk membuat ramalan tentang masa lalu, trend dan perubahan yang akan berlaku di masa hadapan. Misalnya, guru mengajar tajuk pilihan raya. Murid mengaitkan dengan Pru-14 yang lepas telah membawa banyak perubahan kepada pucuk pimpinan negara.

2. Menjangkakan Akibat

Setelah meramal apa yang akan berlaku, murid itu perlu tahu menjangka akibat yang akan berlaku dari ramalan tersebut. Misalnya di sini murid menjangkakan akibat daripada perubahan pucuk pimpinan negara telah berlaku berlakunya ketidakstabilan dari segi politik sehingga membawa kepada kekusaran dalam kalangan rakyat.

3. Mengawal dan mengendalikan perubahan

Murid perlu tahu cara untuk mengawal dan mengendalikan perubahan yang akan berlaku daripada ramalan tersebut. Misalnya murid perlu memikirkan alternatif untuk mencari jalan penyelesaian. Misalnya, pada pilihan raya akan datang rakyat perlu lebih berhati-hati dalam memilih calon pemimpin pada masa hadapan.

5.2 KEMAHIRAN KHUSUS KMD

1. Pemahaman Konsep KMD

Guru perlu memastikan murid mengetahui bahawa masa lalu, masa kini dan masa hadapan mempunyai perkaitan dan kesemuanya mempengaruhi antara satu sama lain. Misalnya jika

dikaitkan dengan sejarah ,segala tindakan semasa perjuangan menentang penjajah pada masa lalu telah membawa kemerdekaan pada masa ini. Masa depan negara akan dibina melalui tindakan dan keputusan yang diambil sekarang. Oleh itu, konsep KMD ini dapat mengajar murid cara memilih masa depan yang diidamkan melalui perancangan yang dirancang bermula dari sekarang.

2. Pengumpulan Maklumat dan Analisis Trend

Pengumpulan maklumat dan analisis trend membolehkan murid mengetahui data masa lalu dan masa kini untuk melakukan perubahan pada masa depan. Maklumat yang diperolehi perlulah ditapis terlebih dahulu supaya menghasilkan sesuatu yang relevan.

3. Ramalan dan Analisis

Teknik ramalan ini digunakan untuk mengenal pasti sesuatu kesan yang berlaku. Sebagai contoh, dalam topik Kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W sekiranya ciri kepimpinan tersebut tidak ada dalam diri seorang pemimpin sudah tentu negara akan kucar-kacir. (kesan)

4. Penggunaan Imaginasi dan Kreativiti

Kemahiran berimajinasi membantu untuk murid melihat unsur kreatif dan berimajinatif melangkaui batas pemikiran. Hal ini secara tidak langsung akan membantu murid meneroka dan menghasilkan idea-idea baharu.

5. Strategi Mengatasi Kebimbangan

Murid perlulah mengenal pasti masalah akibat daripada ramalan yang dilakukan. Hal ini bertujuan untuk memberi peluang dan keyakinan kepada murid mencari alternatif penyelesaian kepada masalah tersebut.

6. Proses Inovasi Sosial

Proses inovasi sosial ini adalah cara baru untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. Proses ini biasanya akan menyebabkan berlaku perubahan yang baharu. Misalnya, murid mengaitkan peristiwa 13 Mei dengan tercetusnya tindakan mewujudkan Rukun Negara bagi meningkatkan kefahaman rakyat mengenai perlombagaan negara.

7. Pembinaan Senario

Senario ialah teknik yang penting untuk memberi gambaran jelas tentang masa hadapan yang mungkin berlaku. Melalui senario inilah murid dapat mengetahui cara membina masa depan yang baik.

8. Penjelasan Nilai dan Masa Depan

Pada proses ini murid akan mengkaji sebab senario tersebut dibina sama ada memberi kesan positif atau negatif pada masa hadapan.

9. Pemahaman Dimensi Pemanpanan

Proses menilai semula tindakan yang diambil sama ada perlu dikekalkan atau diganti. Misalnya dalam sejarah melalui proses ini akan membentuk generasi muda yang sentiasa cakna terhadap masa depan.

6.0 CARA PERANCANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)

BERTERASKAN KMD

6.1 MEMANDANG KE HADAPAN (MATRIKS)

1. Konsep KMD

Guru perlulah memilih konsep KMD yang bersesuaian dengan mata pelajaran. Sebagai contoh sejarah guru boleh menggunakan konsep masa lalu, masa kini dan masa hadapan.

2. Persepsi

Persepsi murid terhadap sesuatu isu, tema atau tajuk semasa pengajaran dan pembelajaran. Biasanya melibatkan perasaan murid sama ada berasa takut, risau atau prihatin. Misalnya dalam sejarah melalui peristiwa 13 Mei mencetuskan kebimbangan dalam kalangan murid.

3. Proses

Proses yang dialami oleh murid semasa melaksanakan KMD ini. Sebagai contoh, murid memikirkan transformasi mengenai sesuatu tajuk yang telah dipelajari atau cuba membuat kesinambungan berkaitan yang berlaku sekarang dengan masa depan.

4. Aplikasi Kemahiran

Murid mengaplikasikan kemahiran khusus semasa sesi PdP mengikut bidang yang sesuai dan relevan.

5. Tema

Tema-tema yang diperolehi daripada DSKP contohnya dalam mata pelajaran sejarah guru menggunakan tema 1 iaitu Sejarah Kita dan Dunia.

6. Isu

Isu-isu yang boleh dikaitkan dengan konsep, Teknik dan cara pengajaran berteraskan KMD.

7. Kemahiran Khusus

Memilih kemahiran khusus yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

8. Kapasiti

Murid menggunakan kemahiran-kemahiran seperti menaakul, menganalisis, memandang jauh, kreatif dan berimaginasi.

6.2 PERANCANGAN PELAJARAN

Perancangan pengajaran dan pembelajaran perlulah dilaksanakan sekiranya menggunakan kaedah KMD supaya dapat meletakkan asas yang kukuh untuk murid mengaplikasikannya dalam kehidupan sama ada pada masa sekarang maupun pada masa hadapan. Terdapat empat Langkah yang perlu diambil oleh guru bagi memastikan pengajaran berasaskan kaedah KMD ini berjalan dengan lancar. Antaranya;

- 1) Sebelum memulakan pengajaran guru mestilah memilih tajuk dan tema yang sesuai dan relevan untuk memenuhi kehendak KMD dari DSKP.
 - Tidak semua tajuk dalam sukan pelajaran sesuai menggunakan kaedah KMD ini. Guru perlulah meneliti terlebih dahulu tajuk-tajuk tersebut sama ada memenuhi kriteria yang ada dalam kaedah KMD.
- 2) Guru perlulah mengembangkan tajuk dan tema dari perspektif kajian masa depan.
 - Guru perlulah menggunakan komponen-komponen yang terdapat dalam KMD ini untuk dikaitkan dengan tajuk atau tema yang dipilih supaya dapat memudahkan murid untuk memahami.
- 3) Perspektif ini haruslah dirancang dengan mengambil kira bahan kandungan mata pelajaran dengan nilai dan kemahiran KMD.
 - Bahan yang disediakan oleh guru mestilah mengambil kira minat dan kematangan murid berfikir mengenai masa hadapan supaya mereka terlibat secara aktif dalam proses PdP.
- 4) Guru perlulah mempertimbangkan perkara-perkara di bawah sebelum memulakan proses (PdP).
 - Kurikulum

- ❖ Mengambil kira kandungan pengajaran, Kaedah KMD dan bahan bantu mengajar
- Cara Perlaksanaanya
 - ❖ Secara bersemuka / secara atas talian
- Tujuan Perlaksanaanya
 - ❖ Menitikberatkan aspek-aspek yang membentuk generasi baru yang memandang dan berfikir untuk masa hadapan.
- Kesan Perlaksanannya
 - ❖ Melahirkan generasi muda yang sentiasa merancang soal masa hadapan.

6.3 JADUAL PERANCANGAN

Guru perlulah menyediakan jadual perancangan supaya boleh membantu guru untuk merancang proses PdP berdasarkan tajuk yang dipilih daripada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Hal ini bertujuan untuk memudahkan guru bagi guru untuk memikirkan unsur-unsur Matriks KMD yang boleh digunakan. Contoh jadual seperti berikut;

Mata Pelajaran : **Sejarah**

Tingkatan : **1, 2, 3, 4 @ 5**

Bil	Rujukan DSKP	Konsep KMD	Isu Berkaitan	Tema	Aplikasi	Tajuk
1.	Daripada DSKP Sejarah	1. Alternatif & pilihan 2. Masa lalu, sekarang & masa depan	1. Kepimpinan 2. Pembangunan ekonomi 3. Pendidikan 4. Keamanan 5. Kebudayaan	1. Sistem pemerintahan 2. Sistem ekonomi 3. Generasi masa depan 4. Perang	1. Politik & Kerjaan 2. Ekonomi 3. Sosial	DSKP

7.0 RANGKA PENGAJARAN BERASASKAN KMD DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH

Guru perlulah merancang proses PdP dengan membuat rangka pengajaran berasaskan KMD. Hal ini dilakukan bertujuan untuk memberi panduan kepada guru dalam memastikan proses PdP berjalan dengan lancar. Terdapat tiga aspek penting yang perlu ada dalam rangka tersebut iaitu;

1. Apakah yang ingin anda mengajar?

Pada aspek ini guru perlulah menentukan tiga perkara penting iaitu mata pelajaran, tajuk dan tema serta hasil pembelajaran. Misalnya, guru menentukan mata pelajaran ialah sejarah. Guru perlulah merujuk DSKP sejarah untuk memilih tajuk dan tema (Tamadun Islam & Sumbangannya) yang sesuai. Akhir sekali guru perlulah memastikan hasil pembelajaran yang diajar menekankan kaedah KMD. Contohnya, hasil pembelajaran berdasarkan tajuk Tamadun Islam & Sumbangannya ialah menyenaraikan ciri-ciri masyarakat Arab pra-Islam untuk memberi kefahaman kepada murid agar tidak menjadikannya sebagai ikutan. Hasil pembelajaran ini jelas menunjukkan perkaitan dengan unsur KMD kerana murid mengetahui isu daripada senario yang dibangkitkan dan berwaspada daripada mempunyai ciri tersebut.

2. Apakah strategi dan bahan yang digunakan dalam proses Pdp.

Pada bahagian ini guru perlulah menentukan Konsep KMD yang akan digunakan. Misalnya, guru menggunakan konsep masa lalu dan masa kini. Guru perlulah mengaitkan peristiwa yang berlaku pada masa lalu yang menyebabkan trend pada masa kini. Misalnya, kedatangan Islam pada Zaman Nabi Muhammad S.A.W telah menyebabkan penyebaran Islam berkembang dengan pesat pada masa ini. Kedua guru perlu menentukan bahan pengajaran yang ingin digunakan. Contohnya, guru menggunakan gambar masyarakat Arab Jahiliah dengan Umat Islam pada masa ini dan meminta murid untuk melakukan perbandingan. Oleh itu, pemilihan

strategi dan bahan pengajaran ini telah membantu melancarkan pengajaran mata pelajaran sejarah berteraskan KMD.

3. Bagaimana anda mengaplikasikannya ?

Guru perlulah merancang aktiviti yang menepati Konsep KMD serta mengaitkannya dengan topik yang akan dipelajari. Hal ini dikatakan demikian kerana, hasil kerja murid melalui aktiviti yang dijalankan menjadi kayu ukur sama ada aktiviti tersebut menepati konsep KMD ataupun tidak.